

Suhu pejabat pengaruhi prestasi, produktiviti

UB 15/08/2011 A7

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR


nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Suhu pejabat atau tempat kerja berupaya mempengaruhi produktiviti kakitangan, kata Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya Universiti Malaysia Sabah (UMS), Zaiton Mohamad.

Katanya, suhu tempat kerja boleh mempengaruhi kepantasan kerja sama ada akan menjadi lambat atau cepat, yang secara tidak langsung akan mempengaruhi prestasi kerja mereka.

“Suhu persekitaran di tempat kerja mempengaruhi daya tindak seseorang individu.

“Ini kerana suhu terlampau rendah akan menyebabkan produktiviti pekerja



ZAITON

menurun manakala suhu yang tinggi menyebabkan timbulnya ketidakelesaian, letih dan cepat berpeluh,” katanya kepada *Utusan Borneo* kelmarin.

Zaiton berkata, keadaan ini memerlukan penetapan suhu pejabat kepada tahap yang sesuai agar tidak mengganggu tumpuan dan keselesaan pekerja.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas arahan agar suhu bangunan

kerajaan ditetapkan tidak kurang daripada 23 darjah Celsius.

“Ini merupakan langkah yang amat baik kerana bukan sahaja dapat memberikan persekitaran kerja yang selesa, malah tindakan ini juga adalah salah satu cara untuk menjimatkan tenaga.

“Sebagai kakitangan, langkah ini seharusnya disokong. Tambahan pula, kerajaan sudah tentu telah melaksanakan pelbagai kajian untuk memastikan sama ada langkah ini sesuai atau tidak,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata suhu di semua bangunan kerajaan akan ditetapkan tidak kurang daripada 24 darjah Celsius sebagai langkah penjimatan tenaga.

Katanya, arahan terbabit adalah untuk semua bangunan kerajaan kecuali bagi tempat-tempat khas seperti hospital yang memang memerlukan paras suhu yang rendah.

Kata Chin, suhu yang ditetapkan itu adalah sesuai untuk persekitaran tempat kerja dan ia juga boleh menjimatkan keseluruhan bil elektrik sesebuah bangunan kerajaan.

Tambahnya, jika suhu diturunkan kepada 23 darjah Celsius, bermakna kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan daripada 4 kepada 7 peratus untuk sesebuah bangunan.

Sementara itu, beliau menjelaskan langkah itu telah dilaksanakan di kementerianannya dan berjaya menjimatkan sehingga RM700,000 setahun untuk keseluruhan bil elektrik.